

NO. SOALAN : 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN M. KULASEGARAN
[IPOH BARAT]

TARIKH : 14 MAC 2018

SOALAN :

YB. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan Lembah Bujang diiktirafkan sebagai warisan negara; dan
- (b) senaraikan tempat bersejarah purba yang telah dihantar untuk akreditasi atau pengiktirafan UNESCO.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara telahewartakan empat (4) tapak di kawasan Arkeologi Lembah Bujang di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] iaitu Tapak Arkeologi Sungai Batu (diwartakan pada 28.11.2017), Candi Pengkalan Bujang (diwartakan pada 20.4.2017), Kompleks Percandian Bukit Choras (diwartakan pada 28.12.2016) dan Candi Bukit Batu Pahat (diwartakan pada 20.4.2017). Pewartaan ini memberikan pengiktirafan kepada tapak ini sebagai warisan negara selain untuk tujuan memulihara, memelihara dan melindungi tapak termasuk bahan arkeologi yang dijumpai di tapak. Sebagai makluman juga, Lembah Bujang sedang dikaji kesesuaian untuk diangkat sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada masa hadapan. Sekiranya data penyelidikan lengkap diperolehi serta memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak UNESCO, usaha pencalonan akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, tapak pra-sejarah yang telah dihantar dan telah berjaya memperolehi pengiktirafan ialah Tapak Warisan Dunia Arkeologi Lembah Lenggong. Pengiktiran ini telah diperolehi pada 30 Jun 2012.

Sekian, terima kasih.

47

SOALAN (27)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 MAC 2018
[RABU]

DARIPADA : YB TUAN NG WEI AIK
[TANJONG]

SOALAN :

Y.B. TUAN NG WEI AIK [TANJONG] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha yang akan diambil untuk koordinasi dengan setiap Kerajaan Negeri memandangkan tiadanya lesen-lesen pelelong yang dikeluarkan oleh negeri-negeri tertentu berikutan perundangan atau dasar-dasar berkaitan yang tidak seragam serta ketinggalan zaman di antara setiap negeri.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada masa kini hanya mengawalselia pelelong-pelelong yang menjalankan lelongan di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1971 [Akta 81] di bawah Peraturan 14 sahaja.

Lelongan selain daripada yang berkaitan dengan Akta Pemegang Pajak Gadai 1971 [Akta 81] adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing. Pada masa ini, lesen-lesen pelelong yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri meliputi pelesenan, notis jualan, butiran pelelong, butiran agen pembida, kontrak jualan berasingan bagi setiap lot yang dilelong, penyiapan jualan, penalti, kuasa untuk membuat peraturan dan jualan di bawah perintah mahkamah.

Peraturan berkaitan lesen lelong dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri secara individu seperti Peraturan Lesen Pelbagai (Pelelong dan Penilaian) 1957 di Sarawak, Enakmen Jualan Lelong 1930 di Kelantan, Peraturan Jualan

49

Lelong 1926 di Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang manakala Ordinan
Lesen Pelelong 1906 di Pulau Pinang dan Melaka.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018